

SOALAN NO. 33**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 20 MAC 2018

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bidang kuasa Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang di bawah Jabatan Peguam Negara dan apa bezanya dengan Kluster Pengharmonian antara Undang-Undang Sivill dan Undang-Undang Syariah di bawah Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai kewajipan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang termasuk isu-isu berkaitan dengan agama Islam dan perundangan Syariah khususnya bagi peringkat Persekutuan dan Wilayah Persekutuan sahaja. Sehubungan dengan itu Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan suatu Bahagian khusus di Jabatan Peguam Negara, iaitu Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang melalui Waran Perjawatan Bilangan A258 Tahun 2017 yang berkuat kuasa mulai 1 November 2017.

Penubuhan Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang bukanlah bagi menjalankan fungsi yang baharu di Jabatan Peguam Negara. Sebaliknya, ia merupakan penaiktarafan Seksyen Syariah yang telah ditubuhkan di Jabatan Peguam Negara sejak 1 Jun 2003 dan yang sejak itu diletakkan di bawah Bahagian Penasihat. Dalam melaksanakan fungsinya, Jabatan Peguam Negara sentiasa mengambil kira kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang utama Persekutuan.

69

Selain itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Bagi melaksanakan objektif Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini, dua jawatankuasa pelaksana ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Pemandu) dan Jawatankuasa Induk Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Induk). Keanggotaan kedua-dua Jawatankuasa ini terdiri daripada tokoh-tokoh dalam negara yang pakar dalam pelbagai disiplin termasuklah mereka yang pakar dalam undang-undang Syariah dan undang-undang sivil.

Kluster Pengharmonian Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Syariah merupakan antara kluster yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini. Kluster ini berfungsi untuk meneliti dan mengkaji serta mengemukakan cadangan penambahbaikan ke arah pengharmonian antara Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Syariah bagi memperkasakan Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.